

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 JUN 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Kali kedua gempa melanda Ranau	Harian Metro
2	Gempa: Guru, pelajar lari menyelamatkan diri	Utusan Malaysia
3	Lagi tiga gempa bumi di Ranau	Sinar Harian
4	Pantau status di FB, WhatsApp	Harian Metro
5	Aftershock damages school in Ranau	The Malay Mail
6	Gempa kecil landa Ranau kali kedua Selasa	Bernama.com
7	Gempa bumi lemah landa Ranau pagi ini	Bernama.com
8	Ranau dilanda tiga gempa kecil pada Selasa	Bernama.com
9	Gempa kuat landa Kepulauan Bonin di Jepun	Bernama.com
10	Salah Guna	Harian Metro
11	Malaysia tidak menerima kesan ribut suria	Kosmo

Kali kedua gempa melanda Ranau

Kota Kinabalu: Penduduk di beberapa daerah di Sabah gempar apabila satu gempa bumi kecil berukuran 4.3 pada skala Richter melanda Ranau pada jam 5.33 petang semalam.

Gegaran daripada gempa itu turut dirasakan di Kota Kinabalu, Kota Belud dan Kundasang.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Sabah Abdul Malik Tussin berkata, pusat gempa itu terletak 10 kilometer (km) ke barat laut bandar Ranau.

"Ini kali kedua gempa kecil itu melanda Ranau sejak pagi tadi (semalam) yang mana pertama berlaku berukuran 3.5 pada skala Richter pada 10.54 pagi.

"Namun, berlaku beberapa gegaran susulan iaitu berukuran 2.6 pada skala Richter pada jam 6.26 petang dan 3.0 pada skala Richter pada jam 6.39 petang selepas gempa bumi kecil kedua berlaku," katanya ketika dihubungi, semalam.

Seorang pekerja di bandar raya Kota Kinabalu Azmil Tajudin, 34, berkata, ketika kejadian dia berada di bangunan KK Times Square Kota Kinabalu bersama dua ra-

kannya dan terkejut apabila bangunan tempat mereka bekerja bergoyang menyebabkan mereka terus keluar ke kawasan lapang.

"Ketika itu, kami hendak keluar pulang untuk membuka puasa namun tiba-tiba saja bangunan bergoyang menyebabkan saya bersama dua rakan terus keluar dari bangunan kerana bimbang sesuatu akan berlaku.

"Ketika itu, beberapa pekerja di bangunan berkenaan turut keluar dan mengatakan terasa gegaran," katanya ketika ditemui, semalam.

Menurutnya, ini kali ketiga dia merasai gegaran akibat gempa bumi selepas kali pertama berlaku pada 5 Jun lalu sehingga mengorbankan 18 nyawa di Gunung Kinabalu, Ranau.

Bagi Ali Mazlan, 33, pula dia bersama rakan sekerjanya turut berlari keluar dari pejabat di KK Times Square Kota Kinabalu kerana bimbang kejadian runtuh.

"Gegaran itu tidak lama hanya beberapa saat saja tapi kami terus keluar untuk menyelamatkan diri kerana bimbang akan berlaku sesuatu," katanya.

Gempa: Guru, pelajar lari menyelamatkan diri

**Oleh METRA SYAHRIL MOHAMED
dan ASSIM HASSAN**
pengarang@utusan.com.my

RANAU 23 Jun - "Gegaran pagi tadi agak kuat dan kami terdengar bunyi dentuman di tingkat atas yang menempatkan pusat sumber dan terus lari menyelamatkan diri."

Demikian cerita seorang pelajar tingkatan enam, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Mohamad Ali, dekat sini, Mohd. Shahrastani Harimin yang panik selepas siling pusat sumber di sekolahnya runtuh dalam gegaran susulan sekuat 3.5 pada skala Richter, pagi ini.

Jelasnya, ketika kejadian pada pukul 10.54 pagi itu, sesi pembelajaran sedang berlangsung dan gegaran menyebabkan para guru serta pelajar berhimpun di kawasan lapang sebagai langkah keselamatan.

"Keadaan agak mencemaskan kerana di bawah pusat sumber itu adalah bilik guru. Siling runtuh dan kami terdengar bunyi dentuman. Kami diarahkan bergegas menyelamatkan diri ke kawasan lapang," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia**, gegaran sekuat 3.5 pada skala Richter itu dirasai di sekitar daerah ini sekitar pukul 10.54 pagi.

Jelas Mohd. Shahrastani yang berasal dari Keningau, bilik kelasnya yang terletak di tingkat yang sama dengan pusat sumber itu terpaksa ditutup atas faktor keselamatan.

Sementara itu, pelajar tingkatan dua, Al Zikri Al Kadzlie berkata, ketika kejadian dia berada di dalam surau sekolah dan gegaran susulan membuatnya panik.

"Cermin surau bergegar dan saya keluar menyelamatkan diri," ujarinya.

Dalam pada itu, Pengetua SMKA Mohamad Ali, Jaimis Saiman memberitahu, pihaknya mengharapkan para pelajar tenang berdepan insiden itu dan tidak berada dalam keadaan trauma.

"Selepas gegaran kuat pada 5 Jun lalu, kita terus bagi taklimat keselamatan kepada pelajar dan guru. Sebahagian siling di pusat sumber itu memang sudah runtuh dalam gegaran susulan lalu dan kini runtuh sepenuhnya.

"Syukur tiada kemalangan atau kecederaan dialami warga sekolah," tambahnya.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 24 JUN 2015 (RABU)**

Lagi tiga gempa bumi di Ranau

KUALA LUMPUR - Tiga gempa bumi kecil melanda Ranau semalam, pertama pada jam 10.54 pagi, kedua 5.33 petang dan ketiga pada 6.26 petang.

Menurut Jabatan Meteorologi, gempa pertama berukuran 3.5 pada skala Richter, berpusat di 22 kilometer (km) ke barat bandar Ranau; kedua, berukuran

4.3 pada skala Richter, 10km ke barat laut bandar itu, dan ketiga berukuran 2.6 pada skala Richter, 11km ke barat bandar tersebut.

"Gegaran daripada gempa itu dirasakan di Kota Kinabalu, Kota Belud dan Kundasang," kata kenyataan itu.
- Bernama

Pantau status di FB, WhatsApp

Ranau: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Daerah Ranau sentiasa memantau gambar dan info gempa bumi yang diviralkan menerusi aplikasi WhatsApp dan Facebook (FB).

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ranau, Jimmy Lagon berkata pemantauan itu penting bagi membolehkan pihaknya melakukan pemeriksaan seterusnya melakukan operasi menyelamat sekiranya perlu.

"Dalam kejadian runtuhan siling perpustakaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Mohamad Ali, hari ini (semalam), JBPM tidak menerima sebarang aduan daripada pihak sekolah.

"Bagaimanapun, saya menerima beberapa keping gambar runtuhan itu diviralkan dan disebarkan menerusi aplikasi WhatsApp menyebabkan kami bergegas ke lokasi kejadian bagi melakukan pemeriksaan.

"Hasil pemeriksaan, memang berlaku runtuhan di situ, namun ia tidak membabitkan sebarang kecederaan pelajar dan guru," katanya ketika dihubungi, di

Hasil pemeriksaan, memang berlaku runtuhan di situ, namun ia tidak membabitkan sebarang kecederaan pelajar dan guru"

Jimmy Lagon

sini, semalam.

Jimmy berkata, hasil pemeriksaan lanjut terdapat beberapa rekahan pada dinding bangunan dipercayai berlaku akibat beberapa gempa bumi yang berlaku sebelum ini.

Sementara itu, menurut laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia, satu gempa bumi lemah berukuran 3.5 skala Richter dilaporkan berlaku kira-kira 22 kilometer dari barat Ranau, kira-kira jam 10.54 pagi, semalam.

Susulan gempa bumi terbaru itu, sebanyak 90 gempa bumi dilaporkan berlaku di sekitar Ranau sejak kejadian pertama dan terkuat berlaku pada 5 Jun lalu.

Aftershock damages school in Ranau

KOTA KINABALU — A two-storey school building was vacated after the ceiling of its second-floor library collapsed following the latest aftershock in the district.

Ranau district Fire and Rescue Department chief Jimmy Lagung said the incident at SMK Agama Mohamad Ali in Kampung Lohan, Ranau occurred at about 11am yesterday. The school did not lodge a report but Jimmy came after hearing of the incident through social media.

"There were no injuries. The students were asked to evacuate the building," said Jimmy.

The latest 3.5 magnitude earthquake at 10.55am, occurred some 22km west of Ranau, where tremors were felt.

The school, which began operations in June 2003, has 546 students and 60 teachers. It was one of the schools affected by the

By Julia Chan
news@themalaymailonline.com

5.9 magnitude earthquake on June 5 which resulted in 18 deaths.

More than 80 aftershocks have occurred in the Kundasang and Ranau area since.

Earlier this week, SRJK (C) Pei Wen in Ranau was evacuated after its two-storey building was deemed unsafe by the Forensic Unit of the Public Works Department. Three marquees were erected as makeshift classrooms while construction of a temporary classroom begins in two months.

Some 60 schools in seven of the districts in the state were affected in the earthquake and aftershocks, although only four were

badly damaged.

Another tremor of 4.3 magnitude occurred 19km northwest of Ranau at 5.33pm yesterday.

State Meteorological Department director Abdul Malek Tussin said mild tremors were felt as far away as Kota Kinabalu, Ranau, Kota Belud and Kundasang.

Sabah, particularly the Kundasang and Ranau regions, has been rocked by aftershocks — the biggest being magnitude 5.1 — since the earthquake. Damage include rockfalls, mudslides, landslides and cracks to buildings, including schools.

Villagers at the foothills of Mount Kinabalu have been traumatised by the quake and the aftershocks, many claiming they were not able to sleep at night for fear of another quake.



SMK Agama Mohamad Ali's library was damaged in the aftershock yesterday.



Gempa Kecil Landa Ranau Kali Kedua Selasa

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Satu lagi gempa bumi kecil, berukuran 4.3 pada skala Richter, melanda Ranau di Sabah pada 5.33 petang Selasa, menurut [Jabatan Meteorologi](#).

Dalam satu kenyataan, jabatan itu menjelaskan pusat gempa terletak 10 kilometer ke barat laut bandar Ranau.

Gegaran gempa itu dirasakan di Kota Kinabalu, Kota Belud dan Kundasang, ujarinya.

Ini kali kedua gempa kecil itu melanda Ranau sejak pagi. Yang Pertama berukuran 3.5 pada skala Richter berlaku pada 10.54 pagi.

Gempa dengan kekuatan 5.9 pada skala Richter menggegarkan Ranau pada 5 Jun, mengorbankan 18 nyawa.

--BERNAMA



Gempa Bumi Lemah Landa Ranau Pagi Ini

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Satu gempa bumi lemah berukuran 3.5 pada skala Richter melanda Ranau, Sabah pada pukul 10.54 pagi ini.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan berkata pusat gempa ialah 22km barat Ranau, Sabah.

Pada 5 Jun, gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter menggegarkan Ranau dan mengorbankan 18 nyawa.

-- BERNAMA



Ranau Dilanda Tiga Gempa Kecil Pada Selasa

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Tiga gempa bumi kecil melanda Ranau Selasa - pertama pada 10.54 pagi, kedua 5.33 petang dan ketiga pada 6.26 petang, menurut [Jabatan Meteorologi](#).

Gempa pertama berukuran 3.5 pada skala Richter, berpusat di 22km ke barat bandar Ranau; kedua, berukuran 4.3, 10km ke barat laut bandar itu, dan ketiga, berukuran 2.6, 11km ke barat bandar tersebut.

Gegaran daripada gempa itu dirasakan di Kota Kinabalu, Kota Belud dan Kundasang, jelas kenyataan itu.

Gempa bumi dengan kekuatan 5.9 pada skala Richter menggegarkan Ranau pada 5 Jun, mengorbankan 18 nyawa.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 24 JUN 2015 (RABU)



Gempa Kuat Landa Kepulauan Bonin Di Jepun

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.0 pada skala Richter melanda Kepulauan Bonin di Jepun iaitu gugusan pulau terletak kira-kira 1,000km ke selatan Tokyo, pada pukul 8.18 malam ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia, dalam kenyataan, menyebut pusat gempa bumi itu terletak 817km tenggara Hamamatsu, Jepun dan 3,342km dari timur laut Sandakan, Sabah.

Bagaimanapun, gempa bumi itu tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT V4
TARIKH : 24 JUN 2015 (RABU)

TIADA negara yang bebas
dari penganas siber



Oleh Afiq Hanif
afiq_hanif@media-
prima.com.my

Internet, sama ada ia menjadi kemudahan atau mengganggu kehidupan manusia. Di dalamnya terdapat pelbagai maklumat, tetapi pada masa sama, ia mengundang pelbagai anasir yang cuba mengeksploitasi kelemahan manusia.

Pencerobohan siber pula boleh datang dalam pelbagai bentuk seperti pengintipan, pencerobohan, peperangan dan penganas siber.

Ketua Pegawai Operasi CyberSecurity Malaysia (CSM), Dr Zahri Yunus berkata, pertumbuhan pesat dunia siber menjadikannya sukar untuk dikawal.

"Oleh kerana mereka boleh kekal secara 'online' tanpa nama, individu merasakan mereka boleh melakukan, memperkatakan atau menyiarkan apa saja yang mereka mahu dan persekitaran sedemikian menyebabkan pemikiran bahawa ada masalah dalam dunia siber," katanya.

Menurutnya, serangan ke atas laman web atau blog biasanya dilakukan untuk suka-suka, tetapi akhirnya ini, apa yang membimbangkan apabila dunia siber sedang digunakan untuk merekrut individu menyertai kegiatan berbahaya seperti militan," katanya dalam satu temu bual eksklusif bersama IT@Metro.

Oleh itu, wujud pula penggunaan perkataan penganas siber yang diklasifikasikan sebagai satu siri serangan dianjurkan pada prasarana berkomputer untuk menakutkan kerajaan atau melumpuhkan rangkaian sistem yang boleh menjejaskan imej, ekonomi serta keselamatan negara.

"Keganasan siber bertujuan membangkitkan ketakutan dan serangan yang serius boleh menyebabkan keganasan terhadap sesiapa atau simbol negara," kata Zahri.

SALAH GUNA

Kemajuan teknologi sama memberi manfaat kepada orang ramai kini menjadi senjata lawan



AKTIVITI online tidak selamat.

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT V5

TARIKH : 24 JUN 2015 (RABU)

Selain itu, Zahri berkata, keperluan untuk mendefinisikan jenayah siber perlu bagi mengelakkan individu terlepas daripada jenayah yang berat.

Bellau berkata, disebabkan ruang siber tidak mempunyai sempadan yang 'benar', ia mudah bagi penganas menggunakannya sebagai alat yang berkuasa untuk melancarkan serangan.

"Kemajuan teknologi sama yang memberi manfaat kepada orang ramai kini menjadi senjata lawan," katanya.

Bellau berkata, keganasan siber tidak patut dikelirukan dengan jenayah siber.

"Ia mengandungi unsur utama seperti serangan yang bermotifkan politik, serangan dengan niat untuk menyebabkan ketakutan atau kecederaan fizikal dan serangan terhadap prasarana maklumat kritikal seperti kewangan, tenaga, pengangkutan serta operasi kerajaan," katanya.

Zahri berkata, serangan palsu seperti mengganggu perkhidmatan tidak dianggap tindakan jenayah siber.

Bellau berkata, terdapat andaian bahawa serangan siber pada sistem komputer kurang berbahaya, namun ia tidak benar.

"Serangan seperti ini termasuk yang membatalkan sistem kawalan kereta api dan lalu lintas udara boleh melumpuhkan bekalan elektrik dan air serta mengubah maklumat perbankan secara besar-besaran," katanya.

Zahri memberi contoh kejadian di Australia apabila pekerja yang tidak berpuas hati mempunyai akses kepada sistem kawalan pembeutan menyebabkan berjuta-juta liter kumbahan air melimpah ke taman dan sungai.

"Ia menyebabkan kerosakan alam sekitar dan bau busuk yang tidak tertanggung selama beberapa minggu," katanya.

Menurutnya, ia tindakan sendiri apabila individu terbahit dipasang dengan sistem pengurusan sisa berkomputer.

Malaysia, katanya, tidak kebal kepada serangan itu. Paling baru, serangan ke atas laman web Malaysia Airlines pada awal tahun ini oleh kumpulan yang menggelarkan diri sebagai Cyber Caliph.

Laman utama digantikan dengan gambar Airbus A380 syarikat pener-

bangsan itu dengan perkataan "404 - Plane Not Found".

Pada 2011, 51 laman web kerajaan diserang kumpulan penggadam Anonymous yang menyebabkan gangguan kepada sistem setiap hari dan ramai tidak dapat mengakses laman web kerajaan," katanya.

Kata Zahri, serangan seperti ini membangkitkan penggera keselamatan siber dan keperluan untuk menjadi lebih berhati-hati apabila serangan siber datang.

"Sebagai satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran umum dan pengetahuan konseptual pada jenayah siber, CSM bersama Universiti Teknikal Malaysia menghasilkan buku yang bertajuk 'Jenayah Siber: Dasar & Perspektif Teknikal,'" katanya.

Menurutnya, buku terbahit terdiri daripada lima bab yang menyelidiki aspek melindungi maklumat terhadap penjenayah siber," kata Zahri.

Bellau berharap pembaca akan mendapatkan maklumat yang berguna daripada buku terbahit dan membuat cadangan kepada organisasi yang mempunyai sistem kritikal untuk mengambil langkah berjaga-jaga menangani serangan siber.

Sementara itu, Prof Rabiah Ahmad dari Universiti Teknikal Malaysia yang turut terbahit dalam penghasilan buku itu memaklumkan, buku berkenaan menjadi siri kompilasi penyelidikan berkaitan keganasan siber.

"Ia penyelidikan yang dijalankan dari sudut polisi dan teknologi yang memberi impak dalam usaha menangani isu dan permasalahan keganasan di alam siber," katanya.

Menurutnya, buku terbahit memberi pendedahan kepada keganasan dunia siber selain menceritakan pengalaman sebenar CSM menjejaki media siber yang



terbahit dalam keganasan siber.

"Ia turut menghuraikan kaedah pengesanan pencerobohan rangkaian Internet yang mengakibatkan penggadam berkeupayaan untuk menghancurkan sistem penting yang digunakan dalam melindungi prasarana kritikal negara," katanya.

"Disebabkan ruang siber tidak mempunyai sempadan yang 'benar', ia mudah bagi penganas menggunakannya sebagai alat yang berkuasa untuk melancarkan serangan disebabkan ruang siber tidak mempunyai sempadan yang 'benar', ia mudah bagi penganas menggunakannya sebagai alat yang berkuasa untuk melancarkan serangan"

Dr Zahri Yunos



Malaysia tidak menerima kesan ribut suria

KUALA LUMPUR - Fenomena ribut geomagnetik yang berlaku selama beberapa jam sejak awal pagi semalam ekoran letusan pada permukaan matahari diramalkan tidak memberi ancaman signifikan kepada Malaysia.

Pegawai Penyelidik Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Mohammad Redzuan Tahar berkata, kedudukan negara berada berhampiran garisan khatulistiwa yang memiliki lapisan magnet paling tebal berupaya memberi perlindungan daripada menerima kesan daripada fenomena tersebut.

Menurutnya, fenomena yang juga dikenali sebagai ribut suria itu berpunca daripada semburan tenaga dan partikel yang dihasilkan akibat letusan pada permukaan matahari dan



REDZUAN


penyemburan jisim korona.

"Kesan radiasi itu akan menyebabkan gangguan kepada sistem satelit dan radio amatur serta masalah telekomunikasi serta navigasi untuk kapal terbang dalam penerbangan jika ia berlaku pada bacaan tertinggi berskala

sehingga G5," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan Angkasa mengenai kejadian ribut suria berukuran G4 yang telah berlaku pada pukul 2.33 pagi (waktu Malaysia) semalam.

Fenomena itu dijangka berlanjutan sehingga beberapa jam berikutnya selepas berlaku penyemburan jisim korona pada permukaan matahari.



KEJADIAN ribut geomagnetik berukuran G4 yang dilaporkan berlaku awal pagi semalam didapati tidak memberi ancaman kepada Malaysia.